

16 MAY 2001

MTUC-KWSP

MTUC JUMPA PERUNDING KWSP MENGENAI SKIM ANUITI

PETALING JAYA, 16 Mei (Bernama) -- Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) akan mengadakan pertemuan dengan perunding yang dilantik oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk berbincang mengenai skim insurans anuiti KWSP.

President MTUC Senator Datuk Zainal Rampak hari ini berkata pertemuan itu dijadualkan pada 24 Mei ini di ibu pejabat KWSP di Bangunan Kuwasa, Jalan Raja Laut.

"Saya tidak tahu siapa mereka tetapi percaya mereka adalah perunding tempatan," katanya pada sidang berita di Bangunan TWU di sini.

Pertemuan itu adalah berikutan panangguhan piket di seluruh negara pada 12 Mei lepas selama tiga bulan sehingga 9 Ogos apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sepucuk suratnya kepada MTUC bersetuju pelaksanaan skim insurans anuiti ditangguhkan sehingga kajian perunding yang dilantik KWSP selesai.

MTUC, dalam tuntutan tujuh perkara ke atas KWSP, mahu supaya skim itu dikaji semula kerana tidak berpuashati dengan faedah-faedah yang ditawarkan kepada pencarum.

Dr Mahathir juga bersetuju faedah kematian dan hilang upaya KWSP dikembalikan kepada kadar asal antara RM1,000 dan RM30,000 serta memberi jaminan pengurusan dana KWSP dilakukan tanpa menimbulkan keraguan mana-mana pihak.

Zainal berkata beliau yakin tempoh tiga bulan adalah cukup bagi KWSP untuk membuat perubahan dan pengurusannya di samping sebagai ruang perbincangan ke arah jalan penyelesaian sepenuhnya.

Katanya MTUC juga bercadang bertemu Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy untuk membincangkan isu tuntutan tujuh perkara itu.

Sementara itu, mengenai kes pembuangan kerja dua pegawai kesatuan dalaman oleh Epson Precision (M) Sdn Bhd, Zainal berkata MTUC akan mengadakan tindakan piket di luar syarikat itu sekiranya pihak syarikat dan Kementerian Sumber Manusia gagal menyelesaikan isu itu.

Menurutnya Nadzri Daud, 33, selaku presiden kesatuan dan Suhaimi Othman 32, selaku setiausaha kesatuan, dibuang kerja pada 23 Jan lepas kerana telah meminta rakan sekerja mereka memakai lencana kesatuan.

"Tindakan mereka itu tidak dipersetujui oleh pihak syarikat yang tanpa membuat siasatan dalaman telah memberhentikan mereka dan ini bertentangan dengan Seksyen 14 Akta Kerja 1955," katanya.

Mengenai ugutan mengadakan piket di Zon Perdagangan Bebas Sungai Way, Zainal berkata tarikh untuk piket itu masih belum ditentukan tetapi beliau berharap pihak syarikat dan Kementerian Sumber Manusia tidak mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan perkara itu.

Nadzri dan Suhaimi yang hadir pada sidang berita itu berkata bahawa sejak mereka dibuang kerja hampir empat bulan lepas, tidak ada syarikat lain yang mahu menerima mereka bekerja.

"Kami telah cuba (minta kerja) di lapan syarikat lain tetapi semuanya gagal," kata Suhaimi.

-- BERNAMA

YBK ZS RHM